



UMP Di Puncak Malaysia

Oleh: AL-MUHAIMIN ALI

Kemuncak kejayaan bagi semua peserta Ekspedisi Gunung Kinabalu 2010 – “UMP Di Puncak Malaysia” adalah apabila berjaya menawan puncak tertinggi di Malaysia iaitu Gunung Kinabalu, Sabah dengan ketinggian 4,095.2 meter atau 13,435 kaki pada jam 5.43 pagi 18 Julai 2010 yang lalu.

Penat lelah ini berbaloi setelah hampir enam bulan para pendaki Universiti Malaysia Pahang (UMP) menjalani latihan mental dan fizikal dengan melibat tiga pendakian gunung di semenanjung Malaysia adalah apabila berjaya menawan puncak tertinggi di Malaysia iaitu Gunung Kinabalu, Sabah dengan ketinggian 4,095.2 meter atau 13,435 kaki pada jam 5.43 pagi 18 Julai 2010 yang lalu.

Ekspedisi anjuran Badan Kebajikan & Sukan Staf (BKSS) dengan kerjasama Pusat Sukan, Pusat Kokurikulum UMP dan Pusat Sukan Universiti Malaysia Sabah (UMS) itu melibatkan seramai 15 staf UMP yang terdiri daripada 12 lelaki dan tiga wanita dengan purata umur di kalangan pendaki adalah antara 23 tahun hingga 59 tahun.

Para pendaki UMP tiba di Kota Kinabalu,

Sabah pada 16 Julai 2010 dan telah menginap di Rock Hostel, Kinabalu Park sebelum memulakan pendakian ke Laban Rata melalui Timpohon Gate jam 9 pagi pada 17 Julai 2010 dan telah tiba di Laban Rata pada jam 3.30 petang dalam keadaan hujan yang agak lebat dengan suhu mencecah 9 hingga 11 derjah celsius. Setelah pendakian enam jam 30 minit di dalam keadaan hujan dan cuaca yang agak sejuk para pendaki UMP seterusnya bermalam di Gunting Lagadan Hut, Laban Rata dengan ketinggian 3,323.2 meter atau 11,000 kaki dari paras laut.

Cabarannya kepada pendaki bermula apabila pendakian ke puncak Gunung Kinabalu bermula pada jam 2.30 pagi 18 Julai 2010 dalam keadaan suhu tujuh hingga sembilan derjah celcius dan kelajuan tiupan angin sekitar 50 hingga 60 km/j. Kesemua pendaki perlu melapor diri di *check-point* terakhir iaitu di Pondok Sayat-Sayat pada ketinggian 3,810 meter atau 12,500 kaki dari paras laut.

Dalam keadaan suhu lima hingga tujuh derjah celcius dan kelajuan tiupan angin 60 hingga 80 km/j di puncak Gunung Kinabalu, pada 18 Julai 2010 jam 5.43 pagi, kejayaan dan

kepuasan jelas terukir di wajah para pendaki apabila berjaya menawan puncak Gunung Kinabalu iaitu *Low's Peak* dengan ketinggian 4,095.2 meter atau 13,435 kaki dari paras laut sebelum meneruskan perjalanan pulang ke Gunting Lagadan, Laban Rata pada jam 7 pagi dan telah tiba di Kinabalu Park pada jam 3.30 petang.

Kejayaan ini terhasil daripada semangat setiaawan, kerjasama berpasukan dan komitmen yang tinggi dari semua pendaki tanpa mengira status dan pangkat dalam usaha menjayakan ekspedisi ini.

Kejayaan ini juga turut membuktikan bahawa staf akademik dan bukan akademik mampu bekerjasama dengan baik dalam usaha menaikkan nama UMP di peringkat tertinggi selain daripada bidang pendidikan, penyelidikan, kajian dan sukan.

Seterusnya pada 5 Ogos 2010, Naib Canselor UMP, Profesor Dato' Dr. Daig Nasir Ibrahim telah menyampaikan sijil penghargaan kepada semua pendaki dalam satu majlis minum petang bagi meraikan kejayaan mereka di Dewan Bankuet Canseleri.